



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAH PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

6 JUN 2021 (AHAD)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAJ PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

6 JUN 2021 (AHAD)



Rosol (kiri) pada majlis Penyerahan bantuan khas COVID-19 'Gerobok Prihatin' kepada Jawatankuasa Masjid Pekan Ajil, semalam.

(Foto Ghazali Kori/BH)

Penipuan transaksi dalam talian terus meningkat

Kuala Berang: Aduan mengenai transaksi dalam talian menunjukkan trend peningkatan dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini, apabila 4,963 aduan direkodkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid, berkata ia termasuk aduan berkaitan penipuan jual beli kenderaan secara dalam talian membabitkan 19 aduan diterima sejak tahun lalu.

"Secara keseluruhan, kita terima 12,140 aduan bermula Januari hingga Mei lalu. Kita sedia maklum pelaksanaan beberapa fasa Perintah Kawalan Pergerakan

(PKP) dan sebagainya menghadkan pergerakan untuk membeli barang secara fizikal.

"Jadi, pengguna beralih kepada pembelian atau jualan secara dalam talian. Untuk urusan berkaitan jualan secara dalam talian, diharap pengguna berhati-hati dan menyemak ketulenan individu atau syarikat yang mewarkan barang sebelum membuat apa-apa bayaran.

"Saya pernah terbaca ada yang ditipu sehingga RM60,000, jadi amat malang dan sebab itu kita minta pengguna berhati-hati dan tidak tertipu. Kita tidak mahu ada terperangkap dengan mereka yang ambil kesempatan dalam ke-

adaan rakyat yang serba kesusa-han," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau projek Gerobok Prihatin di Masjid Ajil di sini, semalam. Pejabat Parlimen Hulu Terengganu mengagihkan barang makanan asas bernilai RM93,000 untuk 1,000 masjid di seluruh daerah itu dalam membantu golongan terkesan dengan COVID-19.

Terdahulu, media melapor kan kes penipuan membabitkan penjualan kereta secara dalam talian dikesan meningkat 94.5 peratus sepanjang tempoh lima bulan tahun ini berbanding tempoh sama tahun lalu.

'Saya pernah terbaca ada ditipu sehingga RM60,000'



Kuala Berang: Aduan mengenai transaksi dalam talian menunjukkan trend peningkatan dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini apabila 4,963 aduan direkodkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, ia termasuk aduan berkaitan penipuan jual beli kenderaan secara dalam talian.

Beliau berkata, sehingga kini, pihaknya menerima 19 aduan mengenai penipuan penjualan kenderaan dalam talian sejak tahun lalu.

"Secara keseluruhannya, kita menerima sebanyak 12,140 aduan bermula dari Januari hingga Mei lalu.

nawarkan barang sebelum membuat apa-apa bayaran. Saya pernah terbaca ada yang ditipu sehingga RM60,000, jadi amat malang dan sebab itu kita minta pengguna supaya berhati-hati dan tidak tertipu.

"Kita tidak mahu ada yang terperangkap dengan mereka yang mengambil kesempatan dengan keadaan rakyat yang serba kesusahan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melakukan tinjauan Gerobok Prihatin di Masjid Ajil di sini, semalam.

Pejabat Parlimen Hulu Terengganu memperuntukkan sejumlah RM93,000 nilai bantuan barang makanan asas yang diagihkan kepada

1,000 masjid di seluruh daerah itu untuk membantu golongan yang terkesan dengan pandemik koronavirus.

Terdahulu, media melaporkan kes penipuan membabitkan pemajuhan kereta secara dalam talian dikesan meningkat 94.5 peratus sepanjang tempoh lima bulan tahun ini berbanding tempoh sama tahun lalu.

Dalam pada itu, Rosol berkata, KPDNHEP sedang merangka mekanisma terbaik untuk menangani masalah penipuan transaksi dalam talian.

Katanya, ia termasuk cedangan untuk melaksanakan lesen khas perniagaan dalam talian yang sedang diwujudkan.

"Untuk urusan berkaitan jualan secara dalam talian sejukal dan pengguna beralih kepada pembelian atau jualan secara dalam talian.

"Kita sedi maklum pentaksiran beberapa fasa Pergerakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan sebagainya menghadkan pergerakan un-

"Untuk urusan berkaitan jualan secara dalam talian diharap pengguna berhati-hati dan menyemak ketulenan syarikat yang me-

ROSOL (kiri) sewajuh tinjauan Gerobok Prihatin di Masjid Ajil, semalam.